

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN NO. 262

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah individu di Parlimen Sibuti yang telah memohon skim MySalam dan PeKa B40 sejak diperkenalkan dan adakah penerima BSH tahu mereka layak secara automatik skim tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh negara sebagai projek perintis bermula 15 April 2019. Skim ini memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat pakej manfaat yang ditawarkan adalah:

- 1) Saringan Kesihatan;
- 2) Bantuan Alat Perubatan;
- 3) Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
- 4) Insentif Tambang Pengangkutan.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berumur 50 tahun ke atas dan pasangannya yang berdaftar adalah layak secara automatik menyertai skim ini.

Untuk makluman, jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun dan ke atas di negeri Sarawak adalah seramai 416,582 orang. Bagi projek perintis ini adalah dianggarkan seramai 84,537 orang rakyat negeri Sarawak akan berpeluang menerima manfaat PeKa B40 berdasarkan konsep '*first come, first serve*'. Sehingga 24 September 2019, seramai 18,761 orang penerima manfaat di Sarawak telah menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Ini menjadikan Sarawak sebagai negeri tertinggi menjalani saringan kesihatan PeKa B40 di seluruh Negara. Sehingga 20 September 2019, sejumlah 96 orang penerima manfaat PeKa B40 adalah dari Parlimen Sibuti.

Bagi meningkatkan kesedaran penerima BSH mengenai PeKa B40, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini sedang giat mempertingkatkan aktiviti promosi dan publisiti PeKa B40 sama ada

melalui media cetak, elektronik, media sosial dan komunikasi bersemuka. KKM juga telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan saringan kesihatan secara *outreach*. Aktiviti ini melibatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan yang berkait rapat dengan kumpulan B40 seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. KKM menyeru dan menggalakkan agar semua ahli Parlimen turut membantu dalam mempromosikan PeKa B40 di kawasan masing-masing bagi meningkatkan saringan kesihatan PeKa B40.

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan Tahun 2019 yang bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun serta pasangan mereka. Pada masa ini, mySalam hanya mengumpulkan maklumat data pemohon mengikut negeri. Berdasarkan rekod sehingga 25 September 2019, keseluruhan permohonan tuntutan yang telah diluluskan di negeri Sarawak adalah seramai 162 orang dengan jumlah tuntutan yang telah dibayar sebanyak RM253,850.00.

Bagi penerima BSH yang layak, surat makluman lulus Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada penerima turut menyatakan bahawa mereka layak menerima skim mySalam dan PeKa B40 tertakluk kepada terma dan syarat program berkenaan. Di samping itu, mereka juga telah dimaklumkan melalui Pesanan Khidmat Ringkas (SMS) pada bulan Mac dan Ogos 2019 kepada nombor telefon yang telah didaftarkan ketika membuat permohonan BSH. Semakan mengenai kelayakan pemohon juga boleh dibuat melalui Pusat Panggilan mySalam yang beroperasi 24 jam di talian 1300-88-8938 melalui penghantaran emel di info@mysalam.com.my dan semakan melalui laman web di www.mysalam.com.my.

Sekian, terima kasih.